

# Anugerah bukan sial, satu penghinaan – Khir Toyo

KOSMO 15/11/07 M15 3

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF  
megat@kosmo.com.my

SHAH ALAM – “Saya tak percaya orang kata bahawa penyapu ini boleh membawa sial dan satu penghinaan, bagi saya ia lebih hina apabila mereka (pegawai kerajaan) tak capai kemajuan dan terus mundur.”

Itu tegas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo ketika mengulas reaksi pelbagai pihak berhubung ‘anugerah penyapu’ yang disampaikan beliau kepada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Pejabat Daerah dan

Tanah (PDT) Hulu Selangor pada Majlis Anugerah Bulan Kualiti 2007 Isnin lalu.

Malah beliau menegaskan perkara yang lebih hina juga adalah apabila negara mundur dan masyarakat mengatakan bahawa sistem penyampaian kerajaan tidak meningkat ke tahap memuaskan.

“Anugerah sebegini sebenarnya telah diamalkan di Jepun, Korea dan Jerman dalam pelbagai bentuk simbolik, tapi ia dilihat secara yang positif.

“Kita juga kena berfikir begitu, saya tak mahu orang Melayu masih lagi percaya perkara khurafat dan

tahyul. Bagi saya penyapu ini sebagai mesej untuk meningkatkan tahap perkhidmatan,” katanya selepas melancarkan replika Pusat Kebudayaan Cina Selangor di bangunan SSAASS di sini semalam.

Kedua-dua jabatan itu hanya berjaya memungut 66.9 peratus hasil cukai semasa dan 23.4 peratus cukai tertunggak, manakala PDT Hulu Selangor hanya memungut 55 peratus cukai semasa dan 56 peratus cukai tertunggak tahun lalu.

Ia adalah di bawah paras minimum ditetapkan Kerajaan Selangor iaitu semua sembilan PDT serta 12 PBT di negeri itu perlu mencapai sasaran

untuk memungut 90 peratus hasil semasa dan 70 peratus tunggakan.

Menurut Mohamad Khir, sebelum anugerah itu dilaksanakan, semua jabatan terbabit telah dimaklumkan, malah bersetuju dengan tindakan yang bakal dikenakan jika gagal mencapai tahap minimum dalam kutipan cukai setahun lalu.

“Anugerah berbentuk penyapu akan diteruskan dan saya tidak mahu orang berfikir kolot kerana ‘penyapu adalah penyapu,’ tiada sial,” ujar beliau.

Ketika mengulas punca kedua-dua jabatan terbabit yang menerima ‘anugerah penyapu’ ekoran

sikap liat individu dan pemaju membayar cukai tegas Mohamad Khir:

“Kita sedar banyak syarikat besar yang gagal membayar cukai di kawasan Hulu Selangor iaitu kira-kira 80 peratus. Oleh itu, sepatutnya kita tahu tindakan yang sepatutnya dikenakan terhadap mereka.

“Bincang terlebih dahulu untuk dapatkan harta mereka sebagai pulangan atau bangunan yang sama nilai dengan cukai sebelum syarikat terbabit bankrap,” katanya sambil menegaskan pelbagai aspek diteliti sebelum anugerah itu diberikan kepada kedua-dua jabatan.